


Oleh Presiden Thomas S. Monson



Nabi-Nabi untuk Membimbing Kita

Beberapa tahun yang lalu, saya duduk di bilik Bait Suci Salt Lake di mana Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul bertemu seminggu sekali. Saya memandang ke atas dinding yang berhadapan dengan Presidensi Utama, dan di sana saya melihat gambar-gambar setiap Presiden Gereja.

Ketika saya melihatnya, para pendahulu saya—daripada Nabi Joseph Smith (1805–44) hingga Presiden Gordon B. Hinckley (1910–2008)—saya berfikir, “Saya sangat bersyukur untuk bimbingan setiap presiden.”

Mereka merupakan lelaki yang sungguh baik yang tidak pernah teragak-agak, tidak pernah tergoyah dan tidak pernah gagal. Mereka adalah lelaki Tuhan. Ketika saya berfikir tentang nabi-nabi zaman moden yang telah saya kenal dan sayang, saya mengingati kehidupan mereka, sifat-sifat mereka, dan ajaran-ajaran berilham mereka.

Presiden Heber J. Grant (1856–1945) menjadi Presiden Gereja bila saya dilahirkan. Ketika saya merenungkan kehidupannya dan ajaran-ajarannya, saya percaya satu sifat yang Presiden Grant selalu mempercontohkan ialah ketabahan—ketabahan dalam hal-hal itu yang baik dan mulia.

Presiden George Albert Smith (1870–1951) menjadi Presiden Gereja semasa saya melayani sebagai uskup bahagian saya di Salt Lake City. Dia memerhatikan bahawa terdapat pertandingan tarik tali besar sedang berlaku antara Tuhan dan si musuh. “Jika anda akan tetap berada di belah garis Tuhan,” dia ajar, “anda akan di bawah

pengaruh-Nya dan tidak akan mempunyai keinginan untuk melakukan yang salah.”¹

Saya dipanggil untuk melayani sebagai ahli Kuorum Dua Belas pada tahun 1963 oleh Presiden David O. McKay (1873–1970). Dia mengajar timbang rasa untuk orang lain dengan cara dia menjalani kehidupannya. “Agama Kristian,” dia ajar, “adalah kasih dalam tindakan.”²

Presiden Joseph Fielding Smith (1876–1972), salah satu daripada penulis Gereja yang terkenal, mempunyai keserjanaan Injil sebagai asas bimbingan dalam kehidupan dia. Dia membaca tulisan suci tanpa henti dan menjadi paling biasa dengan ajaran-ajaran yang terdapat dalamnya lebih daripada sesiapa yang saya kenali.

Presiden Harold B. Lee (1899–1973) melayani sebagai presiden pancang saya sewaktu saya budak. Satu petikan kegemaran dia ialah “Berdirilah kamu di tempat-tempat kudus, dan janganlah tergerak.”³ Dia menggalakkan para Orang suci untuk dengar baik-baik kepada bisikan Roh Kudus dan untuk bertindak menurut bisikan.

Saya percaya satu asas bimbingan dalam kehidupan Presiden Spencer W. Kimball ialah dedikasi. Dia berdedikasi kepada Tuhan dengan menyeluruh dan tanpa ragu-ragu. Dia juga berdedikasi dalam mematuhi Injil.

Apabila Presiden Ezra Taft Benson (1899–1994) menjadi Presiden Gereja, dia memanggil saya untuk melayani sebagai Penasihat Keduanya dalam Presidensi Utama. Kasih ialah asas bimbingannya, yang dinyatakan dalam petikan

kegemarannya, dikatakan oleh Juruselamat: “Kamu harus menjadi orang yang bagaimana? Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahkan seperti Aku.”⁴

Presiden Howard W. Hunter (1907–95) selalu mencari yang terbaik dalam orang lain. Dia sentiasa sopan; dia sentiasa rendah hati. Melayani sebagai Penasihat Keduanya merupakan hak istimewa saya.

Presiden Gordon B. Hinckley mengajar kita untuk melakukan sedaya upaya kita. Dia memberi kesaksian berkuasa mengenai Juruselamat dan misi-Nya. Dia mengajar kita dengan kasih. Melayani sebagai Penasihat Pertamanya merupakan satu kemuliaan dan berkat untuk saya.

Juruselamat menghantar nabi-nabi kerana Dia mengasihi kita. Semasa persidangan umum bulan Oktober ini, para Penguasa Umum Gereja akan mempunyai kesempatan lagi untuk mengongsi firman-Nya. Kami memperlakukan tanggungjawab ini dengan bersungguh-sungguh dan rendah hati.

Kita sangat diberkati kerana Gereja Yesus Kristus yang dipulihkan berada di bumi dan kerana Gereja didirikan di atas batu wahyu. Wahyu berterusan ialah inti pati Injil Yesus Kristus.

Semoga kita bersedia menerima wahyu peribadi yang datang banyak sekali semasa persidangan umum. Semoga hati kita dipenuhi dengan keazaman yang mendalam apabila kita mengangkat tangan kita untuk menyokong nabi dan rasul yang hidup. Semoga kita diterangi, diangkat, ditolong, dan diperkukuh ketika kita mendengar pesanan-pesanan mereka. Dan semoga kita bersedia untuk komited lagi kepada Tuhan Yesus Kristus—Injil-Nya dan pekerjaan-Nya—dan untuk hidup dengan keazaman baru dalam mematuhi perintah-perintah-Nya dan melaksanakan kehendak-Nya.

NOTA

1. *Teachings of Presidents of the Church: George Albert Smith* (2011), 191.
2. *Teachings of Presidents of the Church: David O. McKay* (2003), 181.
3. Ajaran dan Perjanjian 87:8.
4. 3 Nefi 27:21.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Monson mengongsi pengajaran-pengajaran berkuasa yang dia belajar daripada nabi-nabi sebelum

dia. Dia juga mengingatkan kita bahawa “Juruselamat menghantar nabi-nabi kerana Dia mengasihi kita.” Dalam melayani orang yang anda ajar, anda boleh berbincang bagaimana nabi dan rasul merupakan tanda-tanda kasih Tuhan untuk kita. Pertimbangkan untuk mengongsi nasihat dari salah satu pesanan persidangan umum Presiden Monson yang lalu. Jemputlah orang yang anda ajar untuk bersedia untuk persidangan umum dengan mengkaji semula pesanan-pesanan yang telah mengilhami mereka dan membantu mereka merasai kasih Juruselamat.

REMAJA

Kami Bersyukur bagi Nabi

Bagaimanakah nabi kita, Presiden Thomas S. Monson, mempengaruhi anda? Apakah yang anda akan ingat tentang dia? Pertimbangan untuk menulis dalam jurnal anda tentang Presiden Monson dan kehidupan dia—seperti dia menggambarkan dalam pesanan ini pengaruh setiap nabi yang *dia* ingat.

Anda juga mungkin ingin pilih satu petikan kegemaran daripada dia dan menulisnya di mana anda akan melihatnya kerap kali, seperti di buku sekolah atau nota dalam bilik anda. Anda boleh membuat gambar petikan daripadanya dan meletakkannya sebagai gambar belakang telefon anda! Setiap kali anda melihat petikan itu, anda boleh merenungkan kepentingan nabi hidup dan mengingat bahawa dia berada di sini untuk mengasihi dan membimbing kita hari ini.

Anda dapat memuat turun muzik “We Thank Thee, O God, for a Prophet” di lds.org/go/9176.

KANAK-KANAK

Nabi-Nabi Membimbing Kita ke Kristus

Juruselamat memberikan kita nabi-nabi kerana Dia mengasihi kita. Mengikut nabi-nabi membantu kita memilih yang benar. Apakah dua perkara yang anda dapat melakukan untuk mengikut nabi?



Iman Keluarga
Pertolongan

Satu Hati

Kajilah pesanan ini dengan penuh doa dan cari ilham untuk ketahui apa untuk dikongsi. Bagaimanakah pemahaman tujuan Lembaga Pertolongan menyediakan puteri-puteri Tuhan untuk berkat kehidupan abadi?

“Maka Tuhan menyebut umat-Nya Sion, sebab mereka sehati dan sefikiran, dan hidup dalam kesolehan; dan tidak ada yang miskin di antara mereka” (Musa 7:18). Bagaimanakah kita dapat menjadi satu?

Elder M. Russell Ballard dari Kuorum Dua Belas Rasul berkata: “Di pusat perkataan Inggeris *korban tebusan* ialah perkataan *satu*. Jika semua manusia memahami ini, tidak akan pernah terdapat orang yang kita tidak pedulikan, tidak kira umur, bangsa, jantina, agama, atau posisi sosial atau ekonomi. Kita akan berusaha untuk mengikuti Juruselamat dan tidak akan pernah bersikap kejam, acuh tak acuh, tidak hormat, atau tidak sensitif kepada orang lain.”¹

Presiden Henry B. Eyring, Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama, mengajar: “Di mana orang mempunyai Roh bersama mereka, [mereka] dapat menjangka harmoni. . . . Roh Tuhan tidak pernah membuat pertikaian (lihat 3 Nefi

11:29). . . . Ia membimbing kepada kedamaian peribadi dan perasaan perpaduan dengan orang lain.”²

Berbicara tentang cabaran-cabaran keluarga, Carole M. Stephens, yang telah melayani sebagai Penasihat Pertama dalam Presidensi Umum Lembaga Pertolongan, berkata: “Saya tidak pernah mengalami penceraian, ketakpercayaan, peninggalan, atau tanggungjawab sebagai seorang ibu tanpa suami. Saya tidak pernah mengalami kematian anak, kemandulan, atau tarikan sesama jantina. Saya tidak pernah mengalami penganiayaan, kesakitan kronik atau ketagihan. Semua tersebut bukan cubaan saya.

“ . . . Tetapi melalui cubaan dan cabaran *saya* . . . saya sangat mengenali Dia yang faham. . . . Dan tambahan lagi, saya sudah mengalami semua cubaan yang saya sebut sebagai seorang anak, ibu, nenek, saudara, mak cik, dan rakan.

“Peluang kita sebagai anak perempuan perjanjian Tuhan bukan

hanya untuk belajar dari cubaan diri sendiri, tetapi juga untuk bersatu dalam empati dan belas kasihan semasa kita menyokong ahli keluarga Tuhan lain dalam perjuangan mereka, seperti yang sudah janji.”³

Tulisan Suci dan Maklumat Tambahan

Yohanes 17:20–23; Efesus 4:15; Mosia 18:21–22; 4 Nefi 1:15; reliefsociety.lds.org

NOTA

1. M. Russell Ballard, “The Atonement and the Value of One Soul,” *Liahona*, Mei 2004, 86.
2. Henry B. Eyring, “That We May Be One,” *Ensign*, Mei 1998, 67.
3. Carole M. Stephens, “Keluarga Ditetapkan Tuhan,” *Liahona*, Mei 2015, 11–12.

Pertimbangkanlah Ini

Bagaimanakah perpaduan dengan satu sama lain membantu kita menjadi satu dengan Tuhan?